



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (39)
Tarikh : 3 Ogos 2023
Bersamaan : 16 Muharam 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar Gaji

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL. 37/2023/O : PINDAAN JADUAL TARIKH PEMBAYARAN
GAJI *DAILY RATED* JULAI TAHUN 2023 DAN PEMBUKAAN SEKATAN
OVERBAJET BAGI OS17000 BAYARAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN
(BKP) TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, tarikh pembayaran gaji bulan Julai 2023 bagi *Daily Rated Cycle* yang dijadualkan pada 08 Ogos 2023 telah dipinda ke 09 Ogos 2023. Pembayaran gaji ini juga adalah bersekali dengan pembayaran Bantuan Khas Penghargaan sebanyak RM300.00 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

3. Oleh itu, sekatan *overbajet* OS17000 bagi bayaran BKP tahun 2023 di Sistem iGFMAS akan dibuka mulai **07 Ogos (Isnin) sehingga 18 Ogos 2023 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan ini adalah bagi membenarkan pihak tuan melaksanakan bayaran kepada pegawai yang layak namun tercicir semasa pembayaran secara Larian *Off Cycle*. Pembayaran menggunakan Arahan Pembayaran ini juga terpakai bagi pegawai lantikan *MySTEP* yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM).

4. Justeru, kaedah pembayaran tersebut adalah melalui Arahan Pembayaran Jenis Transaksi Invois Tanpa Pesanan Tempatan (K2) dengan menggunakan kod akaun B0117102 atau B0229306. Bagi tujuan penyeragaman, perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini adalah **Bayaran Bantuan Khas Penghargaan 2023**.

5. Pihak tuan diingatkan supaya pembayaran BKP tahun 2023 ini disemak rapi agar tiada kecaciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Pastikan pembayaran dibuat sekali sahaja kepada pegawai yang layak. Manakala Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengutip semula bayaran BKP tahun 2023 dari pegawai yang tidak layak menerima bayaran ini.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))

Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.

\\MLK-XPE-01\fs_operasi\FS_GAJI\# 2023\SURAT MENYURATPEMBUKAAN OVER BAJET OS17000\SURAT PERUBAHAN TARIKH GAJI DAILY RATED JULAI 2023.doc